

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

MAJLIS PERASMIAN PESTA KONVOKESYEN UTeM KE-15

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

1 Disember 2019, Tapak Pesta Konvokesyen, 8:30 malam

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh

Pro Canselor UTeM

Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad

Tajuddin Ali

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM,
Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib
Canselor,
Pegawai-pegawai Kanan UTeM,
Staf-staf Universiti, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,
Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvokesyen UTeM
Ke-15, mahasiswa, mahasiswi serta para hadirin dan hadirat
yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih

1. Alhamdulillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah Subbahanahu Wataala, di atas segala rahmat dan 'inayahNya jua, kita dapat berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Pesta Konvokesyen bersempena Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-15, bagi tahun 2019.

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh, Pro Canselor UTeM, Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah UTeM, serta barisan tetamu, yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada malam ini.

Turun ke laut menangkap ikan,
Mendapat rezeki si ikan tenggiri,
Kehadiran tuan puan kami alukan,
Semoga majlis bertambah seri.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar di atas komitmen dan usaha keras dalam memastikan kelancaran penganjuran Pesta Konvokesyen kali ini.
4. Saya percaya, tanpa kerja keras, dan iltizam yang sentiasa membara dalam jiwa dan sanubari setiap warga UTeM, pasti majlis berskala besar seumpama ini sukar dilaksanakan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

5. Pesta konvokesyen merupakan acara tahunan yang berlangsung seiring dengan Majlis Konvokesyen yang dianjurkan oleh Universiti bagi meraikan para graduan yang bakal menerima ijazah masing-masing.
6. Penganjuran pesta yang diadakan selama empat hari bermula sejak Sabtu yang lepas, merupakan inisiatif, daya usaha dan hasil kerja kumpulan mahasiswa UTeM sendiri, khususnya Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2018/2019 dengan kerjasama Kelab dan Persatuan Pelajar UTeM.

7. Bermula dari promosi, aturan aktiviti, pertandingan reka cipta tema dan logo, sehinggalah kepada pelaksanaan pesta ini, semuanya dicetuskan oleh mereka sendiri dengan bantuan dan bimbingan daripada Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM.
8. Melalui pendedahan sebegini, siswa tidak tertumpu pada bidang akademik semata-mata, namun berpeluang menyerlahkan bakat serta kebolehan mereka menguruskan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan mereka di kampus.

9. Penglibatan sebegini juga secara tidak langsung, membolehkan mahasiswa memperkasakan kualiti peribadi diri seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, pengurusan, dan pelbagai lagi.
10. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua siswa yang terlibat, yang terdiri daripada Jawatankuasa Pelaksana, Jawatankuasa Kecil dan Rakan Sukarelawan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Menerusi pendekatan dan penglibatan aktif siswa dalam program seumpama ini juga, saya amat yakin, aspirasi Universiti untuk melahirkan siswa dan graduan yang bercirikan TUAH dapat direalisasikan dengan jayanya, sejajar dengan Tema Pesta Konvo kali ini iaitu TUAH Berjaya, TUAH Menabur Jasa.

12. Atribut definisi TUAH yang dihasratkan oleh UTeM, bukan sahaja merangkumi elemen Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik, malah turut cemerlang dalam profil akademik yang mantap, unggul dalam bidang kesukanan, kesukarelawanan, kepimpinan dan keberanian yang jitu.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

13. Sebagai makluman semua, julung kalinya mulai tahun ini, Pesta Konvo menggunakan pendekatan '*cashless*' dalam semua transaksi di Tapak Pesta. Usaha yang dijayakan secara bersama dengan pihak kipplePay, Bank Islam dan Paynet, secara langsung menjayakan aspirasi Universiti untuk bergelar kampus pintar sepenuhnya, sekali gus menyokong hasrat kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan transaksi pembayaran tunai menjelang 2020.

14. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan diatur sebaik-baiknya di sepanjang Pesta Konvo kali ini. Antaranya adalah seperti Career Talk, Malam Penghayatan dan Kesenian Islam, pelbagai aktiviti sukan seperti Fund Run, Sukan Rakyat, Amazing Race, e-Sport, di samping persembahan artis-artis jemputan seperti Caliph Buskers, InTeam, Artis Warner Music, Artis Universal Music dan pelbagai lagi. Para pengunjung juga berpeluang melihat hasil penyelidikan mahasiswa dan para penyelidik UTeM di khemah-khemah pameran yang disediakan, disamping pameran dari Badan Beruniform UTeM iaitu Kor SUKSIS, Kor SISPA dan PALAPES.

15. Diharapkan pengisian program yang telah disusun sebaik-baiknya ini, dapat memberikan suntikan ilmiah dan rohaniah, bukanlah sekadar hiburan semata-mata.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Pesta Konvokesyen UTeM ke-15 ini.

17. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua rakan penaja budiman yang sentiasa memberikan sokongan kepada pihak Universiti, bagi menjayakan Pesta Konvo UTeM kali ini. Sumbangan anda semua, amat dihargai.

18. Kepada para pengunjung, diharapkan tuan-tuan dan puan-puan, mendapat pelbagai manfaat, hasil kunjungan anda di Pesta Konvokesyen UTeM ini. **Jangan lupa untuk dapatkan cenderahati keluaran khas bagi Pesta Konvokesyen Ke-15 ini di khemah Urus setia HEP.**

19. Kepada para graduan UTeM yang diraikan, setinggi-tinggi tahniah diucapkan. Harapan saya, agar para graduan dapat menggunakan segala bekalan ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya, dan terus menjadi insan terbilang dalam menyumbang bakti seikhlasnya kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Meniup api beralun selari,
Penat bersandar di pohon meranti,
Pesta meriah graduan dirai,
UTeM tersemat selamanya dihati.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*

Terima kasih.